

16 MAY 2002

DR MAHATHIR BERLEPAS KE MEMPHIS DALAM PERJALANAN KE KL

WASHINGTON, 16 Mei (Bernama) - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berlepas dari Washington ke Memphis, Tennessee pada Rabu untuk lawatan peribadi dalam perjalanan ke Kuala Lumpur selepas melakukan lawatan tiga hari yang berjaya ke Amerika Syarikat.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Fuzi Abdul Razak mengucapkan selamat jalan kepada Dr Mahathir di pangkalan Tentera Udara Andrew.

Semasa di sini, Perdana Menteri mengadakan perbincangan dengan Presiden George W. Bush dan anggota kanan pentadbiran negara itu mengenai hubungan dua hala, keganasan dan perkembangan terbaru di Asia Barat.

Jadual ketat Perdana Menteri termasuk melancarkan Rundingan Kerjasama Perdagangan, Keselamatan dan Ekonomi Malaysia, menyampaikan ucapan pada Majlis Perniagaan US-Asean dan menyaksikan majlis menandatangani Deklarasi Bersama bagi Kerjasama dalam Memerangi Keganasan.

Perdana Menteri juga merasmikan bangunan canseri baru Kedutaan Malaysia di sini dan menyampaikan ucapan dan mengadakan perjumpaan dengan pelajar Malaysia di Amerika Syarikat, yang berhimpun di Washington untuk bertemu beliau.

Dr Mahathir juga turut mendapat perhatian beberapa organisasi media untuk ditemubual termasuk The Washington Times dan CNN International.

-- BERNAMA

JH ES ZS RHM